

509:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHADHIR MOHAMED HARI INI MENGGESA SEKOLAH MENGAWAL PELAJAR DARI PENGARUH YANG TIDAK DIINGINI DENGAN CARA MENYELIA DENGAN RAPI SEGALA KEGIATAN DALAM KAWASAN SEKOLAH.

KATANYA INI BOLEH DILAKUKAN DENGAN MENGAWAL DAN MEMILIH DENGAN TELITI ORANG-ORANG ATAU PERTUBUHAN YANG ADA HUBUNGAN DENGAN MURID.

MISALNYA, ORANG-ORANG YANG DIJEMPUT UNTUK MEMBERI SYARAHAN ANJURAN PERSATUAN-PERSATUAN SEKOLAH HENDAKLAH DITELITI TERLEBIH DAHULU.

BARU-BARU INI SATU SIARAN TELAH DIHANTAR KE SEMUA NEGERI BERHUBUNG DENGAN PERKARA TERSEBUT, KATANYA KETIKA MERESMIKAN PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN NEGERI YANG KE 50 DI LEMBAGA PEPERIKSAAN, DI SINI.

BELIAU MENINGATKAN PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN TENTANG PERATURAN YANG TERKANDUNG DALAM SIARAN ITU MENGARAHKAN SEMUA GURU BESAR SUPAYA MEMATUHINYA. --BERSAMBUNG 1020/MM

510

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN MEMELIHARA HUBUNGAN BAIK DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA KESATUAN GURU DI NEGERI MASING-MASING SUPAYA AKAN UJUD SUASANA YANG SIHAT PENUH DENGAN PERSEFAHAMAN ANTARA SATU SAMA LAIN.

BELIAU BERKATA ADALAH SANGAT BAIK UNTUK MENGAMALKAN DASAR PINTU TERBUKA SUPAYA DIALOG-DIALOG DAPAT DIADAKAN SELALU ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI DENGAN KESATUAN GURU.

INI AKAN MEMBOLEHKAN SEGALA MASALAH DAPAT DIBINCANGKAN DAN DICARI JALAN MENGATASINYA SECARA BERSAMA.

SEMENTARA ITU WAKIL-WAKIL DARI KESATUAN GURU HARUSLAH PULA MEMAHAMI MASAALAH DAN KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN DAN MENUNJUKKAN PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA APABILA BERUNDING DENGAN MEREKA.

KATANYA JAWATANKUASA JUMA'AH MENTERI MENGAJI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN SETAKAT INI TELAH MENERIMA 307 MEMORENDAM.

SEMUA MEMORENDAM INI AKAN DIKAJI DENGAN TELITI DAN CADANGAN-CADANGAN AKAN DITIMBANGKAN SUPAYA DAPAT LAHIR SATU JENTERA PENTADBIRAN DAN IKTISAS YANG LEBIH BAIK UNTUK MEMENUHI TUJUAN DAN MATLAMAT DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN.

DR. MAHATHIR JUGA PERCAYA BAHAWA PENGARAH-PENGARAH PELAJARAN BOLEH MENGGUNAKAN BUDIBICARA MENGIKUT YANG SESUAI DAN MENGAJI SETIAP KES MENGIKUT KEBOLEHAN DAN TIDAK DIPENGARUHI OLEH TEKANAN DARI MANA-MANA PIHAK. -- BERNAMA 1044/YF

58